

Peraturan baru buruh asing

Masuk secara haram akan disekat — Musa

KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan akan mengenakan peraturan yang lebih longgar mengenai kemasukan buruh-buruh pendatang ke negara ini, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, hari ini.

Bagaimanapun, beliau yang juga Menteri Dalam Negeri, akan memberi perhatian serius terhadap kemasukan buruh-buruh asing secara haram.

Menurut beliau, buruh-buruh asing masih diperlukan di negara ini untuk membantu mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja di ladang-ladang dan perusahaan binaan.

"Kemasukan mereka sukar dikekang kerana kita masih mengalami kekurangan tenaga pekerja khususnya di peringkat buruh kasar," katanya lagi.

Datuk Musa menjelaskan demikian ketika ditemui selepas merasmikan Seminar Pembangunan Bumiputera Dalam Perusahaan Kayu, di sini.

Pendapatan

Beliau berkata, sebilangan buruh-buruh pendatang seperti dari Indonesia dan Thailand, yang bekerja ke negara ini disebabkan tawaran pendapatan yang lebih tinggi.

Malah, kata Datuk Musa, ada juga buruh pendatang bekerja di ladang-ladang pertanian terlebih dulu sebelum berhijrah ke bandar-bandar untuk bekerja dalam industri pembinaan.

Beliau berkata, Kerajaan juga sedang menunggu laporan mengenai kedudukan buruh-buruh asing yang bekerja di negara ini.

Setelah itu, katanya, satu peraturan yang lebih baik harus diperkenalkan supaya mereka masuk secara sah, bekerja mengikut kontrak dan diberi permit bekerja.

"Jika perkara-perkara itu dapat diselesaikan, kita tidak lagi menghadapi masalah buruh-buruh pendatang secara haram," katanya lagi.

Ketika ditanya mengenai pekerja-pekerja Malaysia bekerja di luar negeri, beliau berkata: "Kerajaan tidak dapat melarang mereka berbuat demikian."

Bagaimanapun, beliau sedar masalah buruh Malaysia bekerja di Singapura.

"Mereka bekerja di republik itu kerana berpuas hati dengan gaji atau bayaran yang diterima. Dan jika di Malaysia tawaran gajinya sama atau lebih baik, mereka pasti pulang ke tanahair," katanya lagi.

Mengenai buruh Malaysia di negara-negara Asia Barat pula, beliau berkata: "Bilangannya kini telah berkurangan berbanding beberapa tahun lalu."

Bahan asal dari Arkiw
Negara Malaysia